

Bu Hajah Nafsiah tinggal di Kampung Saba Ujong. Dahulu beliau pernah menjadi seorang padian. Padian ialah kaum perempuan yang berjual atau berjaja secara kecil-kecilan dengan berkayuh menggunakan perahu kecil. Perahu kecil ini dikenali sebagai gubang atau bidar. Bu Hajah Nafsiah menjadi padian sejak berumur tiga puluh tahun. Beliau sudah mempunyai pekerjaan ini selama dua puluh tahun. Walaupun pada masa itu pekerjaan ini semakin kurang tetapi Bu Hajah Nafsiah tetap meneruskan usahanya.

Jawab semua soalan di bawah ini dengan menggunakan **ayat yang lengkap**.

1. **Dimanakah** Bu Hjh Nafsiah **tinggal?**

Padian ialah kaum perempuan yang berjual atau berjaja secara kecil-kecilan
Dahulu beliau pernah menjadi seorang padian.
Bu Hajah Nafsiah tinggal di Kampung Saba Ujong.

2. **Siapakah** dia padian ?

Padian ialah kaum perempuan yang berjual atau berjaja secara kecil-kecilan

Perahu kecil ini dikenali sabai gubang atau bidar

Bu Hajah Nafsiah menjadi padian sejak berumur tiga puluh tahun.

3. Perahu juga **dikenali** sebagai apa?

Bu Hajah Nafsiah menjadi padian sejak berumur tiga puluh tahun.

Perahu kecil ini dikenali sebagai gubang atau bidar


Beliau sudah mempunyai pekerjaan ini selama dua puluh tahun

4. Berapa lamakah Bu Hjh Nafsiah menjadi padian?

Beliau sudah mempunyai pekerjaan ini selama dua puluh tahun

Bu Hajah Nafsiah tetap meneruskan usahanya mejadi padian.

Bu Hajah Nafsiah menjadi padian sejak berumur tiga puluh tahun.



Bu Hajah Nafsiah turun dari rumah selepas sembahyang subuh. Beliau memakai siraung yang agak besar. Siraung ini dinamakan Siraung Bini. Siraung Bini dibuat daripada pucuk nipah atau buluh. Siraung Bini itu dapat melindungi Bu Hajah Nafsiah daripada hujan dan panas.

5. Apakah dia **Siraung Bini**?

Bu Hajah Nafsiah turun dari rumah selepas sembahyang subuh
Beliau memakai siraung yang agak besar
Siraung Bini dibuat daripada pucuk nipah atau buluh.

6. **Mengapakah** Bu Hajah Nafsiah memakai Siraung Bini?

Siraung Bini dibuat daripada pucuk nipah atau buluh.
Siraung Bini itu dapat melindungi beliau daripada hujan dan panas.
Beliau memakai siraung yang agak besar

Dia juga menggunakan bidar yang besar dan kukuh. Di dalam bidar ini terdapat berjenis-jenis barang jualan. Pada masa dahulu, beliau menjual atau berjaja berbagai-bagai jenis makanan. Beliau juga menjual pelbagai jenis ikan yang ditangkap oleh suaminya.

Bu Hajah Nafsiah berdagang di tebing Sungai Brunei yang berdekatan dengan Tambatan Kastam Diraja Brunei. Pembeli ikan yang dijual oleh Bu Hajah Nafsiah terdiri daripada orang yang tinggal di darat dan di Kampong Ayer. Bu Hajah Nafsiah juga menjual ikan masin, ikan salai dan ikan tahai masak api. Pada musim-musim tertentu, beliau juga menjual kupang dan bubuk.

7. **Dimanakah** Bu Hjh Nafsiah berdagang?

Dia juga menggunakan bidar yang besar dan kukuh.

Bu Hajah Nafsiah berdagang di tebing Sungai Brunei yang berdekatan dengan Tambatan Kastam Diraja Brunei.

Beliau juga menjual pelbagai jenis ikan yang ditangkap oleh suaminya.

8. **Siapakah** yang membeli jualan Bu Hjh Nafsiah?

Bu Hajah Nafsiah berdagang di tebing Sungai Brunei yang berdekatan dengan Tambatan Kastam Diraja Brunei.

Pada musim-musim tertentu, beliau juga menjual kupang dan bubuk.

Pembeli ikan yang dijual oleh Bu Hajah Nafsiah terdiri daripada orang yang tinggal di darat dan di Kampong Ayer.

Pada masa dahulu, Bu Hajah Nafsiah dan padian-padian yang lain berdagang bermacam-macam barang seperti beras, sayur-sayuran, ubi-ubian dan buah-buahan. Mereka menjual berjenis-jenis makanan tradisional. Mereka berjaja dari rumah ke rumah di sekitar Kampong Ayer. Namun semua ini hanya tinggal kenangan dan kini suasana tersebut sudah tidak kelihatan lagi. Ini mungkin disebabkan terpengaruh dengan pembangunan yang semakin pesat membangun dan kemajuan sosial ekonomi yang semakin canggih dan mencabar.

9. Bagaimanakah cara Bu Hjh Nafsiah dan padian-padian yang lain berjaja?

Mereka menjual berjenis-jenis makanan tradisional

Mereka berjaja dari rumah ke rumah di sekitar Kampong Ayer.

Bu Hajah Nafsiah dan padian-padian yang lain berdagang bermacam-macam barang seperti beras, sayur-sayuran, ubi-ubian dan buah-buahan.

10. Mengapakah sekarang padian-padian tidak lagi kelihatan?

Namun semua ini hanya tinggal kenangan dan kini suasana tersebut sudah tidak kelihatan lagi

Mereka berjaja dari rumah ke rumah di sekitar Kampong Ayer.

Ini mungkin disebabkan terpengaruh dengan pembangunan yang semakin pesat membangun dan kemajuan sosial ekonomi yang semakin canggih dan mencabar.